

03 APR 1997

Nik Aziz-Mahathir

NIK AZIZ MINTA JANGAN POLITIKKAN ISU KEDATANGAN PM

KOTA BAHARU, 3 April (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini meminta semua pihak supaya tidak menjadikan lawatan kerja sehari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan esok sebagai satu isu politik.

"Saya tidak setuju sangat kedatangan Perdana Menteri ini dipolitikkan malahan sebagai seorang Perdana Menteri dan Negarawan, saya akan sambut beliau (di lapangan terbang)," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua peringkat rakyat tanpa mengira fahaman politik, khususnya di kalangan penyokong Pas, supaya dapat turut serta menyambut kedatangan Perdana Menteri.

"Kepada penyokong Pas, janganlah ada salah anggap atau cuba politikkan kedatangan Perdana Menteri ... masalah politik, politiklah, sekarang ini kita sambut beliau sebagai Perdana Menteri. Masalah politik kita hadapi sewaktu pilihan raya secara demokrasi," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Nik Aziz turut mengakui ketokohan Dr Mahathir yang telah banyak membawa pembangunan dan kebaikan di negara ini "yang kalau hendak disebut terlalu banyak" dan sehubungan itu rakyat Kelantan wajar menyambutnya.

Beliau juga berkata kedatangan Dr Mahathir di Kelantan yang dikenali sebagai "negeri pembangkang" kerana dikuasai oleh Pas akan membantu mengurangkan tanggapan serong kalangan penyokong Pas yang memandang negatif kerajaan pusat pimpinan Barisan Nasional.

"Kedatangannya esok Insya-Allah banyak menolong meredakan ketegangan yang ada dan mendatangkan kebaikan," katanya.

Mengenai hubungan dan kerjasama Pas-Umno pada masa depan, Nik Aziz membayangkan bahawa "masa depan mungkin ada lain sikit tetapi ketegangan sekarang saya rasa akan reda sikit".

Beliau berkata bagaimanapun dalam politik sesebuah negara, parti pembangkang perlu ada bagi memastikan persaingan sihat terus wujud.

Menurutnya sistem demokrasi itu yang memerlukan kewujudan parti pembangkang turut dituntut oleh Islam.

-- BERNAMA

RAR AHH